

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
[KUBANG PASU]**

**TARIKH : 16JUN 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengenai pelaksanaan perjanjian yang ditandatangani antara Malaysia dan Singapura mengenai pembinaan jambatan ketiga antara kedua-dua negara. Bila akan dibina, berapakah kos pembinaannya dan apakah kesan langsung kepada diplomatik dan perdagangan antara kedua-dua negara.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti yang dilaporkan dalam sidang akhbar kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Singapura pada sesi Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura kelima yang telah diadakan pada 7 April 2014 baru-baru ini, cadangan pembinaan sebuah Jambatan Persahabatan atau "Friendship Bridge" telah dipersetujui dimana kedua-dua Negara telah bersetuju untuk mengkaji cadangan ini dengan lebih mendalam bagi melambangkan pertalian persahabatan yang telah sedia lama terjalin erat antara kedua-dua buah Negara.
2. Kerajaan Malaysia dan Singapura masih dalam proses perbincangan dan belum menandatangani sebarang perjanjian bagi cadangan pembinaan jambatan tersebut. Kajian terperinci perlu dilaksanakan bagi menentukan objektif, jangkamasa dan kos pembinaan jambatan tersebut.
3. Pembinaan jambatan baru ini diyakini mengeratkan lagi peluang kerjasama kedua-dua Negara dan memudahkan perjalanan di antara Johor Bahru dan Singapura. Jambatan ini, sekiranya dibina, akan turut membawa kesan positif terhadap kawasan perairan di Selat Tebrau.

Sekian, terima kasih.